



## ZOOLOGI

Dzulhelmi Nasir, Shafiqah Kalog dan  
Angeline David Dass. Yu Ching Tam (Foto Penulis)

# SPESES KUCING HUTAN TERANCAM

**S**ecara saintifiknya, kucing dikategorikan dalam keluarga *Felidae* di bawah order *Carnivora*. Kucing-kucing yang terdapat di dalam kumpulan ini mempunyai badan yang langsing dan berotot, serta kuku yang boleh ditarik ke belakang dan kaki yang fleksibel.


Kucing yang paling besar di Malaysia ialah harimau (*Panthera tigris*), manakala yang paling kecil ialah Kucing Batu (*Prionailurus bengalensis*). Menariknya, kebanyakan spesies kucing ini memiliki *cat righting reflex*, iaitu berkeupayaan untuk mendarat dengan kakinya apabila terjatuh.

Kebanyakan kucing ini memburu secara berasingan pada waktu pagi atau malam, bergantung pada spesies kucing dan jenis mangsa yang diburu. Secara amnya, mereka memburu tupai, tikus, burung, mengkarung, katak, dan lain-lain. Kucing jantan yang dominan menunjukkan kelakuan wilayah yang bebas dan luas kerana dilihat memasuki mana-mana kawasan betina, manakala betina pula mempunyai kawasan pertindihan dan berkongsi kawasan sesama mereka.

Terdapat lapan spesies kucing di Malaysia yang tujuh spesies kucing

dijumpai di Semenanjung Malaysia, manakala lima spesies kucing boleh dijumpai di Sabah dan Sarawak. *Bay Cat* (*Pardofelis badia*) dan *Flat-headed Cat* (*Prionailurus planiceps*) dikategorikan sebagai "spesies terancam", manakala harimau (*Panthera tigris*) dikategorikan sebagai "spesies sangat terancam" dalam "Senarai Merah" *The International Union for Conservation of Nature*.

Harimau (*Panthera tigris*) berukuran antara 250 hingga 275 sentimeter, dengan berat badan boleh mencecah hingga 225 kilogram. Populasi dunia adalah sekitar 3500 individu, manakala



Kucing Batu atau *Prionailurus bengalensis* memiliki saiz yang lebih kurang sama dengan kucing rumah, tetapi mempunyai kaki yang lebih panjang. Kucing Batu merupakan spesies daratan dan mempunyai taburan yang paling luas di rantau ini jika dibandingkan dengan spesies kucing yang lain.

Spesies Kucing Batu ini beradaptasi dengan pelbagai jenis habitat berbanding dengan spesies lain kerana bermandiri di pelbagai jenis hutan, pinggir kampung, kebun, kawasan pertanian seperti ladang sawit, teh dan getah. Kucing Batu juga sering dilihat di semak atau rumput di tepi jalan.

Harimau Dahan (*Clouded leopard*) memburu ungka, kera, beruk, kongkang, babi hutan, pelanduk, dan burung. Terdapat persepsi bahawa pada kebanyakan masa, Harimau Dahan memburu di atas pokok, tetapi penemuan terkini menunjukkan bahawa Harimau Dahan memburu di atas tanah. Keluasan pergerakan seekor Harimau

Dahan dianggarkan antara 22.9 kilometer persegi hingga 49.1 kilometer persegi.

Harimau Kumbang atau *Panthera pardus* mempunyai dua jenis warna *polimorfisme*, iaitu berwarna kuning dengan tompok-tompok hitam yang boleh dilihat dengan jelas, dan warna hitam dengan tompok-tompok hitam yang warnanya tenggelam. *Polimorfisme* membantu dalam penyamaran, pilihan seks, keupayaan pembiakan, dan beradaptasi pada habitatnya untuk kelangsungan hidup.

Kucing Merah (*Pardofelis badia*), hanya terdapat di Indonesia dan Malaysia sahaja. Kucing Merah mendiami hutan rendah tropika dengan ketinggian 900 meter dari aras laut. Kucing Merah merupakan haiwan nokturnal yang aktif pada malam hari untuk memburu burung, tikus dan monyet. Tambahan pula, Kucing Merah makan bangkai binatang yang terdapat di dalam hutan.

Kucing Merah ini jarang-jarang ditemui kerana tidak pernah ditemukan atau tidak terakam oleh lensa kamera.

di Malaysia hanya tinggal kira-kira 250 hingga 340 individu sahaja. Konflik antara haiwan dengan manusia sering terjadi bagi penduduk yang tinggal berhampiran dengan hutan, dan terserempak dengan harimau. Adakala, penduduk mengambil tindakan untuk membunuh harimau tersebut kerana ketakutan, dan adakala harimau membunuh penduduk kerana berasa terancam. Malaysia dijangkakan akan kehilangan pak belang ini buat selamanya dalam jangka masa lima hingga 10 tahun sekiranya tiada langkah drastik diambil.



Harimau merupakan kucing paling besar di Malaysia.

Kucing Merah akan menjadi matang secara seksual antara 18 hingga 24 bulan. Kucing yang endemik Kalimantan ini mempunyai tempoh kehamilan antara 70 hingga 75 hari dan boleh melahirkan antara satu hingga tiga ekor anak pada satu kehamilan.

Kucing Hutan Kepala Datar (*Prionailurus planiceps*) telah direkodkan di kawasan berair seperti Kucing Bakau. Maka, kucing ini tidak takut air bahkan juga dilihat berenang di air. Makanan utamanya, antaranya termasuklah udang, ikan, katak, dan tikus. Untuk memburu mangsanya, kucing ini berenang dan menyerang hendap mangsa di dalam air.

Kucing Kepala Datar memang pantas berenang dan membantu dalam aktiviti pemburuan mangsa. Habitatnya ialah kawasan mendatar yang rendah

di hutan hujan tropika, terutamanya di sekitar sumber air tawar, sungai atau pantai.

Kucing Kepala Datar memiliki bulu badan yang tebal untuk menjaga suhu badannya kerana sering berenang di kawasan akuatik. Kedudukan mata yang lebih jauh ke depan, kepala memaksimumkan skop penglihatan binokular supaya aktiviti pemburuan dapat dilakukan dengan lebih cekap dan pantas.

Kucing Kepala Datar juga memiliki sejenis selaput pada cakarnya seperti Kucing Bakau bagi memudahkan aktiviti berenang dan pergerakan di daerah berlumpur. Kucing Kepala Datar merupakan pemburu tunggal dan hanya aktif pada waktu malam.


Kucing Kepala Datar memburu dan membendung ikan di kawasan

sungai. Adakala, Kucing Kepala Datar ini suka mengambil ikan yang sudah terperangkap di dalam jaring atau jala yang dipasang oleh masyarakat setempat. Adakala, masyarakat mendapati kucing liar ini terperangkap atau mati di dalam jaring atau jala.

Kucing Batu (*Pardofelis marmorata*) merupakan kucing pemanjat pohon yang handal dan memiliki ekor yang panjang serta bulu yang sangat tebal. Ukuran dan bentuk ekor ini berfungsi dalam menjamin keseimbangan ketika bergerak di atas dahan atau ranting pohon. Selain itu, kedua-dua pasang kakinya besar dan kukuh. Makanan utama Kucing Batu adalah berbagai-bagai jenis burung, tupai, tikus, dan reptilia. Lantaran bulunya yang sangat tebal, spesies kucing liar ini banyak yang diburu untuk tujuan hiasan.



*Pardofelis marmorata* merupakan kucing pemanjat pohon yang handal.



*Clouded leopard.*

Kucing Emas atau *Felis temminckii* pula hidup secara bersendirian sebelum memiliki pasangan. Pasangan kucing ini sangat terkenal dengan sikap setia terhadap pasangannya hinggalah kegiatan berburu pun dilakukan secara berdua.

Kucing Leopard (*Panthera pardus*) mempunyai taburan yang luas dan memburu mangsa yang amat berbeza. Kucing ini mempunyai corak kulit yang berwarna kuning pucat di kawasan gurun, dan kuning tua di kawasan padang rumput. Terdapat juga Kucing Leopard berwarna hitam yang disebut sebagai *Black Panther*. Hal ini

disebabkan penghasilan warna hitam yang berlebihan di dalam kulitnya dan bulunya.

Kehadiran Kucing Leopard berwarna hitam di hutan mungkin merupakan penyesuaian evolusi untuk menjadi penyamaran. Tempoh aktiviti aktif kucing ini yang dirakamkan daripada perangkap kamera di dua buah kawasan hutan yang berbeza di Malaysia menunjukkan bahawa puncak pada waktu subuh dan senja. Hal ini mungkin disebabkan tingkah laku penghindaran terhadap pesaing yang lebih dominan dengan mengurangkan kemungkinan kontroversi sambil berkongsi ruang

Kemusnahan habitat semula jadi, kekurangan mangsa rantai makanan, penyeludupan dan pemburuan haram menjadi punca utama pengurangan populasi spesies kucing hutan.

yang sama dengan haiwan lain seperti harimau. Kucing ini gemar bersendirian dan mempunyai kawasan pemburuan yang dikawalinya. Kucing ini merupakan seekor haiwan yang pandai mendaki dan berenang.

Kemusnahan habitat semula jadi, kekurangan mangsa rantaian makanan, penyeludupan dan pemburuan haram sering menjadi punca utama pengurangan populasi spesies kucing. Tambahan pula, kucing-kucing liar yang melintasi jalan ini sering dilanggar oleh kenderaan secara tidak sengaja.

Penubuhan hutan simpan, taman negara dan penguatkuasaan undang-undang di bawah penyeliaan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Jabatan Perhutanan Sarawak, dan Jabatan Hidupan Liar Sabah dapat membantu mencegah dan membanteras kegiatan yang menyalahi undang-undang demi menjaga spesies kucing yang terdapat di Malaysia.

Kajian berterusan harus dilakukan untuk mengenal pasti status kucing liar di Malaysia. Pembukaan awam pusat konservasi perlu dilakukan secara berkala untuk memberikan kesedaran tentang menjaga dan menghargai setiap komponen rantaian makanan, termasuk kucing liar.<sup>25</sup>